

# PERTUMBUHAN EKONOMI, SOSIAL MDS SANGAT PESAT

August 10, 2016, Wednesday  
Oleh Patricia Gari//

The Borneo Post



UNTUK ALBUM: Dr Sim (barisan hadapan, lima kanan) bergambar bersama barisan ahli majlis MDS selepas majlis angkat sumpah semalam. Turut kelihatan Peter (barisan hadapan, lima kanan).

KOTA SAMARAHAN: Kerajaan negeri akan mengkaji semula beberapa majlis daerah di negeri ini untuk dinaik taraf kepada majlis perbandaran.

Menteri Kerajaan Tempatan Datuk Dr Sim Kui Hian berkata kajian semula itu perlu memandangkan beberapa majlis daerah seperti Majlis Daerah Samarahan (MDS) melalui proses pertumbuhan ekonomi dan sosial yang sangat pesat.

Katanya kajian semula itu akan dilakukan dalam waktu terdekat iaitu selepas majlis angkat sumpah kesemua pihak berkuasa tempatan di negeri ini selesai.

“Berikutan pertumbuhan yang pesat dari segi populasi, pusat komersial, perkhidmatan pendidikan dan penjagaan kesihatan seperti di Kota Samarahan, kerajaan negeri berpendapat sudah tiba masanya untuk menaik taraf beberapa majlis daerah kepada majlis perbandaran.

“Hasil kajian semula ini akan dikemukakan kepada kerajaan pusat kerana kita memerlukan dana yang besar bagi tujuan itu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan Majlis Angkat Sumpah Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli Majlis MDS di Dewan Suarah Kota Samarahan semalam.

Terdahulu ketika berucap Dr Sim berkata walaupun 90 peratus daripada kawasan Samarahan adalah luar bandar namun 10 peratus kawasan bandarnya melalui pertumbuhan sosioekonomi yang sangat pesat.

Ini katanya, disebabkan terdapat dua universiti awam di situ ditambah dengan wujudnya kemudahan penjagaan kesihatan yang baik seperti Pusat Jantung Sarawak.

Selain itu katanya, Univerisiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan memiliki hospital sendiri serta cada-ngan pembinaan Pusat Kanser Sarawak di Samarahan.

“Samarahan akan didiami oleh majoriti populasi muda iaitu golongan penuntut institusi pengajian tinggi dan bakal dilengkapi banyak kemudahan berkualiti ber-asaskan pengetahuan yang tidak dimiliki kebanyakan pihak berkuasa tempatan di negeri ini.

“Oleh itu kerajaan ne-geri tiada pilihan melainkan membangunkan Samarahan bukan sebagai bandar ilmu tetapi bandar pintar setan-ding metropolis dan mungkin yang pertama di negeri ini,” katanya.

Justeru ujarnya, MDS perlu mengubah cara bekerja ke-rana pendekatan tipikal tidak lagi sesuai apabila mengambil kira situasi Samarahan pada masa akan datang.

Mengenai ahli majlis MDS yang baharu dilantik dan dilantik semula, Dr Sim mahu mereka meningkatkan lagi usaha dan pada masa sama melibatkan diri secara aktif dengan generasi muda termasuk pertumbuhan bukan kerajaan.

“Ahli majlis adalah orang yang penting kerana mereka berada di barisan hadapan memberi perkhidmatan kepada rakyat.

“Oleh itu anda perlu bekerja sebagai satu pasukan dan pada masa sama menetapkan dasar-dasar yang jelas untuk MDS kerana ia akan memastikan keberkesanan perkhidmatan ditawarkan kepada penduduk diwakili,” katanya.

Hadir sama Ahli Parlimen Samarahan Rubiah Wang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Stakan Datuk Seri Mohamad Ali Mahmud, ADUN Sadong Jaya Aidel Lariwoo dan Pengerusi MDS Datu Peter Minos, Timbalan Pengerusi MDS Zakiah Basah dan Setiausaha MDS Simon Hong Yong.